

SIS sokong laksana prinsip kesamarataan antara lelaki, wanita

UM 25 JUL 2001

KUALA LUMPUR 24 Julai — Sisters In Islam (SIS) berpendapat, pindaan Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan merupakan langkah penting ke arah melaksanakan komitmen kerajaan dalam menggariskan prinsip kesamarataan di antara lelaki dan wanita di negara ini.

Sehubungan itu, SIS berharap semua kaum wanita di negara ini sama ada Islam mahupun bukan Islam tidak lagi dikenakan diskriminasi atas alasan agama dan jantina.

“SIS mengalukan-alukan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan akan dipinda untuk memasukkan “jantina” supaya ia tidak lagi menjadi alasan mendiskriminasi wanita,” jelas SIS dalam satu kenyataan hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, persetujuan kerajaan membuat pindaan itu adalah semata-mata untuk menentukan wanita memperoleh hak yang sama dengan lelaki.

SIS juga berharap penggubalan pindaan perlembagaan akan menerima pakai ungkapan “diskriminasi terhadap wanita” mengikut takrif dalam Perkara 1 Konvensyen Peng-

hapusan Sebarang Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

SIS menegaskan: “Perkara 1 CEDAW menyatakan bahawa diskriminasi terhadap wanita bererti sebarang perbezaan, pengecualian atau pembatasan yang dibuat berdasarkan seks yang mempunyai kesan atau bertujuan untuk melemahkan, membatalkan pengiktirafan, kenikmatan atau pelaksanaan oleh wanita, tanpa mengira taraf perkahwinannya, berdasarkan konsep persamaan antara lelaki dan wanita, akan hak-hak asasi manusia dan kebebasan asas dalam bidang politik, ekonomi, sosial, budaya, sivil atau bidang-bidang lain”.

SIS menyatakan bahawa sejak pertengahan 1980-an, pertubuhan-pertubuhan wanita telah menyerahkan beberapa memorandum kepada kerajaan supaya menghentikan penggunaan undang-undang yang mendiskriminasi wanita dalam sistem syariah dan sivil.

Berkaitan sistem syariah, SIS bersama persatuan wanita lain menyerahkan tiga memorandum mengenai diskriminasi terhadap wanita; pencabulan hak asasi di dalam undang-undang keluarga Islam dan pentad-

biran keadilan dalam sistem syariah; dan Undang-Undang Jenayah Syariah dan Enakmen Hudud di Kelantan.

“SIS mengambil berat tentang penyalahgunaan agama yang sering mengekalkan diskriminasi terhadap wanita Islam untuk menikmati perkembangan hak-hak yang diperoleh wanita bukan Islam.

“Sebagai contoh, pindaan ke atas Akta Penjagaan Kanak-Kanak yang memberi hak penjagaan yang sama kepada bapa dan ibu (ke atas anak-anak) hanya terpakai untuk mereka yang bukan beragama Islam kerana wanita Islam tertakluk di bawah Undang-undang syariah,” katanya.

Di bawah undang-undang syariah ketika ini, menurut SIS, hanya kaum lelaki diiktiraf mempunyai hak penjagaan.

“Walaupun sebagai langkah jangka pendek untuk menangani masalah para ibu Islam, kerajaan telah mengeluarkan perintah pentadbiran di mana ibu dibenarkan menandatangani sebarang dokumen kerajaan yang memerlukan tandatangan penjaga berkenaan hal anak-anak, SIS berharap hak ibu Islam sebagai penjaga yang sah akan diiktiraf secara jelas.